



## SENARAI SEMAK PENILAIAN TEMPAT KERJA BERIKUTAN PENULARAN COVID-19

Semua tempat kerja dikehendaki mempunyai pelan tindakan yang sesuai bagi menangani penularan Coronavirus (COVID-19). Langkah-langkah bersesuaian di tempat kerja akan dapat mengurangkan bilangan jangkitan dan berpotensi menyelamatkan nyawa. Pihak majikan harus bersedia untuk mempertimbangkan perubahan-perubahan di tempat kerja bagi mengurangkan kesesakan, seperti menggalakkan bekerja dari rumah, bekerja secara bergilir-gilir (shift work), dan kemungkinan perubahan susunatur ruang kerja. Langkah-langkah sedemikian boleh membantu melindungi kakitangan/pekerja dari terdedah kepada jangkitan.

Setiap tempat kerja adalah berbeza. Oleh itu, senarai semak bagi sesebuah tempat kerja tidak boleh digunakan sebagai satu pendekatan tetap untuk menangani penularan COVID-19 di tempat kerja. Senarai semak ini memberikan panduan am mengenai cara pengurusan dan bantuan melibatkan kakitangan/pekerja berikutan penularan COVID-19.

A) JAWATANKUASA PENGURUSAN/MAJIKAN	YA	TIDAK
<ul style="list-style-type: none"><li>Adakah terdapat Jawatankuasa Pengurusan Krisis COVID-19 di tempat kerja anda?</li></ul>		
<ul style="list-style-type: none"><li>Adakah anda melantik orang tumpuan (focal person) yang berurusan di antara tempat kerja dan Kementerian Kesihatan?</li></ul>		

B) BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERANCANGAN MENGAWAL RISIKO DAN SOKONGAN TEMPAT KERJA	YA	TIDAK
<ul style="list-style-type: none"><li>Adakah terdapat pelan tindakan di tempat kerja jika sekiranya ada kemungkinan risiko terdedah kepada COVID-19?</li></ul>		
<ul style="list-style-type: none"><li>Adakah terdapat prosedur yang mencukupi bagi semua kakitangan/pekerja dan pelawat untuk membuat laporan jika mereka:-<ul style="list-style-type: none"><li>Mereka berasa kurang sihat?</li><li>Berpotensi terdedah kepada COVID-19;</li><li>Ingin memaklumkan pihak majikan mengenai situasi kesihatan mereka.</li></ul></li></ul>		
<ul style="list-style-type: none"><li>Adakah kakitangan/pekerja yang kurang sihat dimaklumkan untuk mengelakkan diri dari hadir bekerja sehingga pulih sepenuhnya?</li></ul>		



## SENARAI SEMAK PENILAIAN TEMPAT KERJA BERIKUTAN PENULARAN COVID-19

<ul style="list-style-type: none"><li>• Adakah terdapat penyelarasan bagi menjaga jarak sosial dan menghadkan interaksi fizikal dan sosial yang tidak perlu di tempat kerja? Sebagai contoh, mengendalikan mesyuarat secara dalam talian atau menggunakan telekonferensi dan bukan secara bersemuka.</li></ul>		
<ul style="list-style-type: none"><li>• Adakah anda memberi maklumat yang betul kepada kakitangan/pekerja mengenai cara mencegah penularan jangkitan? Ini termasuk, namun tidak terhad kepada, menjaga jarak fizikal sekurang-kurangnya 1 meter (3 kaki) dan tatacara batuk dan bersin.</li></ul>		
<ul style="list-style-type: none"><li>• Adakah para penyelia telah dilatih sewajarnya mengenai implikasi penularan COVID - 19?</li></ul>		
<ul style="list-style-type: none"><li>• Adakah maklumat terkini berkaitan dengan COVID-19 ada disediakan bagi rujukan semua pekerja di tempat kerja (contohnya melalui papan tanda, SMS, Intranet &amp; WhatsApp) dan diterjemahkan ke dalam bahasa yang berbeza untuk kemudahan kakitangan/pekerja?</li></ul>		
<ul style="list-style-type: none"><li>• Adakah kakitangan/pekerja anda mengetahui tentang symptom-simptom COVID-19 (batuk, demam panas, masalah pernafasan)?</li></ul>		
<ul style="list-style-type: none"><li>• Adakah anda pernah memaklumkan kakitangan/pekerja anda untuk menjawab soal selidik penilaian kesihatan sendiri melalui <a href="http://www.healthinfo.gov.bn">www.healthinfo.gov.bn</a>?</li></ul>		
<ul style="list-style-type: none"><li>• Adakah anda pernah memaklumkan kakitangan/pekerja anda untuk merekodkan senarai kenalan individu yang mereka temui pada setiap hari, sekiranya mereka disyaki terdedah kepada COVID-19?</li></ul>		
<ul style="list-style-type: none"><li>• Jika tempat kerja terlibat dengan perkhidmatan pelanggan, adakah terdapat langkah-langkah bersesuaian untuk membatasi jarak fizikal dan interaksi sosial yang tidak perlu di antara kakitangan/pekerja dan pelanggan?</li></ul>		
<ul style="list-style-type: none"><li>• Adakah anda menyediakan bilik pengasingan di tempat kerja sekiranya kakitangan/pekerja anda disyaki terjangkit COVID-19?</li></ul>		
<ul style="list-style-type: none"><li>• Adakah anda mempunyai pelan kontigensi dan Pelan Kesyinambungan Perniagaan / <i>Business Continuity Plan</i> (BCP) di tempat kerja, sekiranya tempat kerja anda terpaksa ditutup berikutan kes COVID-19?</li></ul>		
<ul style="list-style-type: none"><li>• Adakah anda menyediakan pemeriksaan suhu badan bagi kakitangan/pekerja dan pengunjung di lokasi-lokasi tempat masuk ke bangunan pejabat dan bangunan-bangunan lain?</li></ul>		



## SENARAI SEMAK PENILAIAN TEMPAT KERJA BERIKUTAN PENULARAN COVID-19

<ul style="list-style-type: none"><li>Adakah anda memaklumkan kakitangan/pekerja untuk menunda perjalanan atau penerbangan yang kurang penting sama ada di dalam atau/dan ke luar negara?</li></ul>		
---	--	--

<b>C) MENJAGA KEBERSIHAN DI TEMPAT KERJA</b>	<b>YA</b>	<b>TIDAK</b>
<p><i>Membasuh tangan adalah salah satu cara paling berkesan dalam mencegah penularan jangkitan. Oleh itu, pihak majikan perlu memastikan kakitangan/pekerja mempunyai akses yang mudah bagi kemudahan-kemudahan membasuh tangan, cecair pembersih tangan (sabun) dan tuala kertas. Adalah penting bagi semua kakitangan/pekerja mempunyai akses kepada pensanitasi tangan (hand sanitiser). Pemilik atau pengurus di tempat kerja perlu memastikan bahawa permukaan di tempat-tempat awam seperti kaunter, tombol pintu, pemegang bar dan penghadang pintu, susur tangga, permukaan meja dan butang lif sentiasa dinyahjangkitan/disinfeksi (berdasarkan Garis Panduan bagi Pembersihan dan Penyahjangkitan/Disinfeksi di Tempat Kerja Semasa Penularan Wabak Berjangkit yang Melibatkan Kesihatan Awam).</i></p>		
<ul style="list-style-type: none"><li>Adakah maklumat mengenai amalan kebersihan yang mencukupi disediakan di tempat kerja?</li></ul>		
<ul style="list-style-type: none"><li>Adakah kakitangan/pekerja mempunyai akses kepada kemudahan membasuh tangan dan produk-produk kebersihan yang lain, seperti cecair pembersih tangan (sabun) dan pensanitasi tangan (hand sanitizer)?</li></ul>		
<ul style="list-style-type: none"><li>Adakah anda pernah menyemak langkah-langkah pembersihan bagi memastikan kawasan-kawasan atau permukaan-permukaan dan titik sentuhan yang berisiko tinggi sering dinyahjangkitan/disinfeksi?</li></ul>		
<ul style="list-style-type: none"><li>Adakah anda pernah memaklumkan semua kakitangan/pekerja mengenai tatacara membasuh tangan yang betul di tempat kerja?</li></ul>		
<ul style="list-style-type: none"><li>Adakah anda menyediakan kemudahan pensanitasi tangan (hand sanitizer) untuk semua kakitangan/pekerja?</li></ul>		
<ul style="list-style-type: none"><li>Adakah pensanitasi tangan (hand sanitizer) yang disediakan mengandungi sekurang-kurangnya 70 peratus kandungan alkohol?</li></ul>		
<ul style="list-style-type: none"><li>Adakah topeng penutup hidung dan mulut disediakan untuk kakitangan/pekerja atau pelawat yang mempunyai gejala jangkitan?</li></ul>		



## SENARAI SEMAK PENILAIAN TEMPAT KERJA BERIKUTAN PENULARAN COVID-19

D) PERALATAN PERLINDUNGAN PERIBADI (PPE) & PERTOLONGAN CEMAS	YA	TIDAK
<ul style="list-style-type: none"><li>Adakah setiap kakitangan/pekerja disediakan peralatan perlindungan peribadi (PPE) bagi kegunaan individu? Sebagai contoh, topeng penutup hidung dan mulut dan sarung tangan tangan pakai buang.</li></ul>		
<ul style="list-style-type: none"><li>Jika PPE atau peralatan-peralatan perlu dikongsi, adakah peralatan-peralatan tersebut sentiasa dibersihkan dan dinyahjangkitan/disinfeksi berdasarkan piawaian yang ditetapkan?</li></ul>		
<ul style="list-style-type: none"><li>Adakan peti pertolongan cemas (<i>First Aid kit</i>) sentiasa dibekalkan dan adakah pihak pengendalian pertolongan cemas dimaklumkan mengenai protokol jangkitan yang dikemaskini?</li></ul>		

E) ORANG YANG MUDAH DIHUBUNGI KETIKA WAKTU KECEMASAN	YA	TIDAK
<ul style="list-style-type: none"><li>Adakah anda menyediakan dan menyelaraskan senarai orang-orang yang mudah dihubungi ketika waktu kecemasan bagi kakitangan/pekerja, dan majikan-majikan sub-kontrak, sekiranya tempat kerja perlu dikuarantin atau ditutup?</li></ul>		

F) PERJALANAN/PENERBANGAN ATAS DASAR URUSAN KERJA	YA	TIDAK
<ul style="list-style-type: none"><li>Adakah anda mempertimbangkan atau menyemak dasar-dasar berkaitan dengan perjalanan/penerbangan atas dasar urusan kerja di dalam dan ke luar negara?</li></ul>		
<ul style="list-style-type: none"><li>Adakah anda menunda atau membatalkan mesyuarat atau persidangan berjadual yang melibatkan perjalanan/penerbangan ke luar negara atau melibatkan kontak dari negara luar?</li></ul>		
<ul style="list-style-type: none"><li>Adakah anda mempertimbangkan atau mengkaji semula dasar-dasar melibatkan kenderaan dan pengangkutan serta jarak fizikal kakitangan/pekerja di lokasi-lokasi dalam negara, contohnya perkhidmatan bas dan perkongsian kenderaan? (melibatkan aspek menjaga jarak sosial)</li></ul>		



## SENARAI SEMAK PENILAIAN TEMPAT KERJA BERIKUTAN PENULARAN COVID-19

<ul style="list-style-type: none"><li>Adakah anda mempertimbangkan atau mengkaji semula dasar-dasar melibatkan tempat tinggal kakitangan/pekerja termasuk jarak fizikal kakitangan/pekerja yang tinggal bersama dan berkongsi kemudahan umum seperti bilik mandi, dapur, dan lain-lain? (melibatkan aspek menjaga jarak sosial)</li></ul>		
---	--	--

<b>MENANDATANGANI</b>	
<b>NAMA &amp; TANDATANGAN</b>	